

Konvokesyen UMS ke-21 pada 23-25 November ini

UB 6.11.2019 4

KOTA KINABALU: Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) Ke-21 akan diadakan pada 23 hingga 25 November ini.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Profesor Dr. Rasid Mail berkata, seramai

4,156 graduan akan terlibat dalam majlis berkenaan iaitu 4,034 graduan tempatan dan 122 graduan antarabangsa.

Beliau memaklumkan media selepas mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahiruddin di Istana Negeri, pagi kelmarin.

Hadir sama dalam kunjungan itu, Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat Dr. Jakaria Dasar, Penolong Pendaftar Kanan Victor Gondipon, Ketua Bahagian Perkhidmatan Akademik Darwis Awang, Kurator Kanan Mohod Hilmey Saili, Ketua Jabatan Hal Ehwal

Pelajar Kamisah Husin, Pegawai Kebudayaan Kanan Alan James dan Pendaftar UMS Vina Zahriani Yusof.

— PENERANGAN

ALBUM: Tun Juhar (empat kiri) merakamkan kenangan bersama Rasid (tiga kiri) dan rombongan dari UMS.

